

HIBAH TAKAFUL SEBAGAI PENYELESAIAN PENGURUSAN HARTA PASANGAN ISLAM BUKAN WARGANEGARA DI MALAYSIA

HIBAH TAKAFUL AS A WEALTH MANAGEMENT SOLUTION NON-CITIZEN ISLAMIC COUPLE IN MALAYSIA

ⁱMuhammad Hazrin Samsudin & Zul-kifli Hussin

ⁱ Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Malaysia

*(Corresponding Author): muhammadhazrin58@gmail.com

ABSTRAK

Bagi warganegara Malaysia, permohonan dan pembahagian harta pusaka yang bernilai tidak melebihi RM5 juta adalah di bawah bidang kuasa Unit Pembahagian Pusaka Kecil (JKPTG). Walau bagaimanapun, timbul persoalan sama ada pasangan Islam bukan warganegara turut menikmati hak dan kemudahan pentadbiran yang sama dalam proses tuntutan harta pusaka kecil. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengurusan harta bagi pasangan Islam bukan warganegara serta meneliti cabaran yang dihadapi dalam proses tuntutan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan pengumpulan data melalui temu bual separa berstruktur melibatkan dua orang informan, iaitu seorang peguam syarie dan seorang penolong pengarah pusaka kecil yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian membuktikan bahawa hibah takaful oleh suami terhadap isteri bukan warganegara merupakan kaedah penyelesaian yang terbaik bagi menjamin kelangsungan kehidupan isteri selepas kematian suami. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran utama dalam tuntutan harta pusaka pasangan Islam bukan warganegara merangkumi isu hak pemilikan harta tak alih serta prosedur pentadbiran yang kompleks dan memakan masa. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar satu garis panduan pentadbiran yang jelas, sistematik dan mesra pengguna diperkenalkan, di samping menggalakkan penggunaan hibah takaful sebagai kaedah perancangan harta bagi menjamin hak dan keadilan pasangan Islam bukan warganegara dalam pengurusan harta pusaka kecil.

Kata kunci: hibah takaful, cabaran pewarisan, pasangan islam bukan warganegara, unit pembahagian pusaka kecil

ABSTRACT

For Malaysian citizens, the application and distribution of inheritance worth not exceeding RM5 million is under the jurisdiction of the Small Inheritance Distribution Unit (JKPTG). However, the question arises whether non-citizen Muslim couples also enjoy the same rights and administrative facilities in the small inheritance claim process. Therefore, this study aims to identify the methods of property management for non-citizen Muslim couples and examine the challenges faced in the claim process. This study uses a qualitative approach with data collection through semi-structured interviews involving two informants, namely a syariah lawyer and an assistant director of small inheritance who were selected using purposive sampling techniques. The data obtained were analyzed using thematic analysis methods. The study findings prove that the takaful hibah by the husband to the non-citizen wife is the best solution to ensure the continuity of the wife's life after the husband's death. In addition, the study findings show that the main challenges in the inheritance claim of non-citizen Muslim couples include issues of ownership rights of immovable property as well as complex and time-consuming administrative procedures. In this regard, this study proposes that a clear,

systematic and user-friendly administrative guideline be introduced, in addition to encouraging the use of hibah takaful as an estate planning method to guarantee the rights and justice of non-citizen Muslim spouses in the management of small inheritances.

Keywords: *hibah takaful, inheritance challenges, non-citizen Muslim spouses, small inheritance distribution unit*

Pendahuluan

Isu pewarisan harta pusaka kecil yang melibatkan pasangan Islam bukan warganegara di Malaysia sering menimbulkan pelbagai kesukaran dari segi undang-undang dan pentadbiran. Hal ini berlaku kerana proses pembahagian pusaka bukan sahaja tertakluk kepada hukum faraid tetapi turut melibatkan peraturan sivil serta dasar pemilikan harta yang berkaitan dengan status kewarganegaraan. Keadaan ini menyebabkan urusan pusaka menjadi lebih rumit berbanding kes yang melibatkan waris warganegara sepenuhnya. Menurut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], harta pusaka kecil merujuk kepada harta peninggalan si mati yang terdiri daripada harta alih dan harta tak alih dengan nilai keseluruhan tidak melebihi RM5 juta (“Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan - Pusaka Kecil,” 2024).

Pembahagian pusaka bagi orang Islam di Malaysia adalah berdasarkan hukum faraid. Namun begitu, pelaksanaannya melibatkan beberapa institusi yang berbeza. Mahkamah Syariah menentukan bahagian waris mengikut hukum Islam, manakala Mahkamah Sivil dan Pejabat Tanah menguruskan aspek pengesahan pemilikan serta urusan pendaftaran dan pindah milik harta. Penglibatan pelbagai institusi ini sering menyebabkan kelewatan dan kekeliruan dalam proses pentadbiran pusaka terutamanya dalam kes yang melibatkan pasangan Islam bukan warganegara (Mohd Zainudin Wan Yusoff, Nurulhuda Ahmad Zaki, & Luqman Abdullah, 2021).

Selain itu, pasangan Islam bukan warganegara turut berhadapan dengan sekatan pemilikan tanah di Malaysia. Undang-undang tanah memperuntukkan bahawa pemindahan hak milik kepada bukan warganegara memerlukan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan tertakluk kepada syarat tertentu termasuk bayaran tambahan serta larangan terhadap jenis tanah tertentu seperti Tanah Rizab Melayu (“Pekeliling Terbuka,” 2024) . Di samping itu, terdapat juga perbezaan dasar antara negeri yang boleh menjejaskan kelancaran proses pewarisan, seperti di Melaka yang mengenakan syarat tambahan sebelum pemindahan hartanah kepada bukan warganegara dibenarkan (“Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka,” 2022).

Di samping kekangan undang-undang, pasangan Islam bukan warganegara juga perlu menyediakan dokumen tambahan seperti pengesahan daripada kedutaan, terjemahan rasmi dan dalam keadaan tertentu melantik peguam di Malaysia. Keperluan ini bukan sahaja meningkatkan kos pengurusan pusaka malah memanjangkan tempoh penyelesaian kes (Abu Nuha Nuwairah, 2025). Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana sistem perundangan dan pentadbiran sedia ada dapat melindungi hak pewarisan pasangan Islam bukan warganegara secara berkesan.

Dalam konteks Malaysia, masalah harta pusaka yang tidak dituntut masih berada pada tahap yang membimbangkan. Anggaran menunjukkan bahawa nilai harta pusaka yang belum dituntut atau dibekukan mencecah hampir RM90 bilion dan sebahagian besarnya melibatkan harta orang Islam. Antara punca utama keadaan ini ialah ketiadaan perancangan harta semasa

hayat, kurang kefahaman waris terhadap prosedur tuntutan pusaka serta pertindihan peranan antara agensi yang terlibat (Nur Nazlina Nadzari, 2025)

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti kaedah pengurusan harta bagi pasangan Islam bukan warganegara serta meneliti bagaimana prosedur pewarisan pusaka kecil dilaksanakan di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti mekanisme pengurusan harta yang sesuai bagi pasangan Islam bukan warganegara dan menganalisis prosedur pewarisan pusaka kecil termasuk peranan institusi berkaitan seperti Mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil, Pejabat Tanah dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan tujuan untuk memahami dan menghuraikan secara lebih jelas isu cabaran pewarisan pusaka kecil oleh pasangan Islam bukan warganegara di Malaysia (Sendari Anugerah Ayu, 2021). Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengkaji isu yang agak rumit, dan boleh memberi gambaran yang lebih mendalam mengenai prosedur yang perlu dilakukan oleh pasangan bukan warganegara untuk mendapat hak ke atas harta pusaka.

Reka bentuk kualitatif deskriptif ini membantu penyelidik menyelami masalah yang berlaku, khususnya yang melibatkan undang-undang dalam urusan pentadbiran. Prosedur untuk mendapatkan harta pusaka adalah cabaran sebenar yang dihadapi pasangan Islam bukan warganegara dalam membuat tuntutan pusaka kecil. Kaedah ini juga sesuai kerana boleh melihat sesuatu isu dari pelbagai sudut dan memberikan penjelasan yang lebih menyeluruh (Sendari Anugerah Ayu, 2021).

Kajian ini menggunakan dua cara utama iaitu melalui kajian kepustakaan dan temu bual separa berstruktur. Kajian kepustakaan dibuat dengan meneliti bahan seperti akta contohnya Akta Harta Pusaka Kecil 1955, enakmen pentadbiran agama Islam negeri, buku, artikel jurnal, tesis dan juga sumber digital. Kaedah ini membantu memahami undang-undang serta isu yang berkait dengan pewarisan pusaka kecil (Creswell, 2009). Selain itu, temu bual separa berstruktur dijalankan bersama tiga orang informan utama, iaitu seorang peguam syariah, seorang pegawai Pusaka Kecil dan perunding takaful yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) selaras dengan pendekatan kajian kualitatif (Patton, 2002). Temu bual tersebut berlangsung selama 20 hingga 40 minit dan dirangka berdasarkan objektif kajian. Melalui temu bual ini dapat difahami dengan lebih jelas kaedah pengurusan harta bagi pasangan Islam bukan warganegara serta cabaran sebenar yang berlaku, seperti konflik bidang kuasa, isu pemilikan tanah dan kedudukan pasangan bukan warganegara.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis kandungan dan analisis tematik. Analisis kandungan digunakan untuk menilai bahan bertulis bagi mengenal pasti isu-isu dan konsep penting berkaitan pewarisan pusaka kecil. Manakala analisis tematik digunakan untuk meneliti transkrip temu bual dengan mencari tema dan subtema yang muncul daripada jawapan informan (Najmah, Namirah Adelliani, Citra Afny Sucirahayu, & Azmiya Rahma Zanjabila, 2023). Setiap dapatan temu bual diberikan kod, contohnya (IN1/250825/B1-15). IN1 merujuk kepada Peguam Syariah iaitu Mohamad Aiman Hakim bin Azman, IN2 merujuk kepada pegawai Pusaka Kecil iaitu Mohamad Zaim bin Johari dan IN3 merujuk kepada perunding takaful iaitu Muhamad Mukmin bin Noramazlan. 25/08/25 ialah tarikh temu bual,

manakala B1-15 menunjukkan baris dalam transkrip. IN1 dan IN2 telah ditemu bual secara bersemuka, manakala IN3 ditemu bual secara dalam talian melalui aplikasi *WhatsApp*.

Jadual 1: Profil Informan

No.	Status	Butiran Informan
1	Berkahwin	Penolong Pengarah N10 JKPTG Kuala Kangsar
2	Bujang	Peguan Syarie
3	Bujang	Perunding Takaful

Etika Kajian

Dari sudut etika, kajian ini telah dilaksanakan dengan mengambil kira kepentingan dan hak informan. Semua informan terlibat telah memberikan persetujuan dimaklumkan (*informed consent*) sebelum sesi temu bual dijalankan. Data yang diperolehi hanya digunakan untuk tujuan akademik semata-mata tanpa sebarang penyalahgunaan. Selain itu, kajian ini tidak menimbulkan sebarang risiko kepada informan, justeru tidak memerlukan kelulusan rasmi daripada jawatankuasa etika penyelidikan

Jadual 2: Jadual Indeks Kod Data Temu Bual

No.	Kod	Keterangan
1	<i>IN1, 22/8/25, B1-2.</i>	IN1 adalah informan pertama, 22/8/25 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual dan B1-2 merujuk kepada bilangan baris petikan diambil.
2	<i>IN2, 25/8/25, B1-2.</i>	IN2 adalah informan kedua, 25/8/25 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual dan B1-2 merujuk kepada baris petikan diambil.
3	<i>IN3, 19/12/25.</i>	IN3 adalah informan ketiga, 19/12/25 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual.

Sorotan Kajian

Isu Pewarisan Mualaf dan Pentadbiran Pusaka Kecil di Malaysia

Pertama, kajian oleh Yaakub et al. (2024) bertajuk *Pengurusan Harta Pusaka Mualaf di Malaysia* membincangkan masalah pewarisan yang timbul apabila seseorang memeluk Islam. Kajian ini menekankan isu seperti status pengislaman yang dirahsiakan daripada keluarga, kegagalan mendaftar sebagai mualaf di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta pertindihan dengan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Kajian ini lebih banyak membincangkan kelemahan undang-undang dan prosedur pendaftaran yang boleh menjejaskan hak waris mualaf. Sementara itu, kajian oleh Siti Fadhilah Ghazali et al. (2024) bertajuk *Isu Fiqh Kontemporari dalam Pewarisan Pusaka Kecil Umat Islam di Malaysia* memberi tumpuan kepada isu pengurusan pusaka kecil bernilai tidak lebih RM2 juta yang diuruskan oleh Bahagian Pembahagian Pusaka, JKPTG. Kajian ini membincangkan pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan agensi pentadbiran pusaka serta isu-isu fiqh semasa berkaitan pelaksanaannya. Walaupun kedua-duanya membincangkan harta pusaka Islam di Malaysia, kajian pertama lebih memberi fokus kepada cabaran yang dihadapi oleh mualaf, manakala kajian kedua lebih menekankan aspek pentadbiran pusaka kecil dan pelaksanaannya.

Namun begitu, kedua-dua kajian ini masih ada kekurangan. Kajian Yaakub et al (2024) mengenai pusaka mualaf lebih banyak memberi cadangan pindaan undang-undang tanpa menunjukkan kes sebenar, manakala kajian Siti Fadhilah Ghazali et al (2024) pusaka kecil pula lebih berbentuk penerangan tanpa menilai keberkesanan penyelesaian yang dicadangkan. Tambahan pula, kedua-duanya hanya menggunakan rujukan perpustakaan dan tidak melibatkan kajian lapangan yang boleh menggambarkan pengalaman sebenar masyarakat. Oleh itu, masih ada ruang kajian baharu yang boleh menghubungkan isu mualaf, pertindihan bidang kuasa dan pengurusan pusaka kecil dengan pengalaman sebenar waris melalui kajian lapangan. Dengan cara ini, perbincangan tentang pusaka Islam di Malaysia dapat dilihat lebih menyeluruh dari sudut undang-undang, fiqh dan realiti sosial masyarakat.

Perbandingan Undang-Undang Pusaka di Negara Islam

Seterusnya, kajian oleh Muhammad Amrullah Drs Nasrul et al (2024) bertajuk *Inheritance Management in Malaysia and Brunei: A Comparative Legal Study* membincangkan pengurusan harta pusaka di Malaysia dan Brunei dengan menilai undang-undang sivil, Syariah dan adat yang digunakan. Kajian ini menekankan peranan Mahkamah Syariah dalam memastikan proses pusaka mengikut hukum Islam, serta mendapati kelewatan dalam proses boleh menjejaskan hak waris. Sementara itu, kajian oleh Muhammad Amrullah Drs Nasrul et al. (2021) mengenai amalan pusaka di Malaysia dan Indonesia pula memberi perhatian kepada masalah pertindihan bidang kuasa antara undang-undang sivil, Syariah dan adat. Kajian ini menunjukkan bahawa kurangnya pengetahuan waris tentang undang-undang pusaka serta keputusan mahkamah yang mengutamakan hak sivil menjadi punca kepada masalah dan mencadangkan agar masyarakat diberi pendidikan undang-undang serta dibuat pembaharuan undang-undang. Walaupun kedua-dua kajian meneliti isu pusaka di negara majoriti Islam fokusnya berbeza, kajian pertama lebih menekankan perbandingan undang-undang dan peranan institusi, manakala kajian kedua lebih menumpukan kepada cabaran masyarakat dan konflik bidang kuasa.

Namun begitu, kedua-dua kajian ini ada kelemahannya. Kajian Muhammad Amrullah Drs Nasrul et al (2024) di Malaysia dan Brunei lebih banyak membincangkan undang-undang atas kertas tanpa melihat pengalaman sebenar masyarakat, manakala kajian Muhammad Amrullah Drs Nasrul et al (2021) di Malaysia dan Indonesia pula lebih menekankan pertindihan undang-undang tanpa menghuraikan bagaimana masalah itu diselesaikan. Oleh itu, masih ada ruang untuk kajian baru yang boleh menghubungkan undang-undang dengan pengalaman sebenar masyarakat, terutamanya dalam konteks Malaysia yang berdepan dengan masalah pertindihan bidang kuasa, kelewatan proses dan tahap pengetahuan undang-undang pusaka yang rendah. Kajian seperti ini akan memberikan gambaran yang lebih lengkap kerana bukan sahaja menilai undang-undang tetapi juga mengambil kira peranan institusi dan realiti masyarakat.

Isu Adat, Tanah, dan Pusaka Terbiar di Malaysia.

Selain itu, kajian oleh Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan et al. (2021) meneliti pembahagian harta pusaka di Negeri Sembilan yang masih dipengaruhi oleh sistem Adat Perpatih. Walaupun pentadbiran pusaka dijalankan mengikut SOP dan Akta Harta Pusaka Kecil 1955, kewujudan undang-undang tanah adat menjadikan amalan di Negeri Sembilan berbeza dengan negeri lain. Kajian ini mendapati masyarakat kurang jelas tentang proses pentadbiran pusaka, status adat berbanding hukum Syariah serta wujud pelbagai cabaran yang dihadapi bahagian pengurusan Pusaka Kecil. Sementara itu, kajian oleh Jaiya Abu et al (2022) yang mengkaji isu tanah pusaka terbiar pula mendapati empat faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini iaitu aspek undang-undang, pentadbiran, sosial dan ekonomi. Kajian tersebut juga mencadangkan penyelesaian melalui pemerksaan dasar, pengukuhan sistem tadbir urus, penglibatan masyarakat serta penyediaan kemudahan luar bandar.

Walaupun kedua-dua kajian ini membincangkan isu harta pusaka, fokusnya berbeza. Kajian Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan et al. (2021) lebih menekankan masalah di Negeri Sembilan yang berkaitan dengan adat dan kekeliruan masyarakat, manakala kajian Jaiya Abu et al (2022) melihat kepada isu tanah pusaka terbiar dalam skala nasional. Namun begitu, kedua-duanya masih terbatas. Kajian di Negeri Sembilan terlalu bersifat setempat dan tidak menghubungkan dengan isu negara, manakala kajian tanah pusaka terbiar pula lebih umum tanpa melihat pengalaman masyarakat secara mendalam. Oleh itu, kajian lanjutan perlu dijalankan untuk menggabungkan perspektif adat, undang-undang, pentadbiran dan pengalaman masyarakat supaya dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang isu pusaka di Malaysia.

Aplikasi Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia

Akhir sekali, dalam konteks pengurusan harta dan kewangan Islam, prinsip hibah turut menjadi fokus kajian oleh para sarjana. Kajian oleh Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2010) bertajuk Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful membincangkan aplikasi hibah sebagai instrumen sokongan dalam institusi kewangan Islam. Kajian ini menjelaskan bahawa walaupun hibah bukan merupakan prinsip teras, ia berfungsi sebagai elemen penarik dalam produk perbankan Islam seperti akaun simpanan Wadiah Yad al-Damanah, di mana pemberian hibah dibuat atas budi bicara institusi kewangan berdasarkan keuntungan yang diperoleh.

Sebaliknya, kajian oleh Mohd Kamil Ahmad dan Joni Tamkin Borhan (2017) bertajuk Penggunaan Hibah Bersyarat (Berta'liq) dalam Masalah Pembahagian Manfaat Takaful:

Analisis Hukum memberi fokus khusus kepada hibah bersyarat dalam pengurusan manfaat takaful selepas kematian peserta. Kajian ini menganalisis peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013) yang membenarkan penamaan benefisiari melalui hibah bersyarat, di mana manfaat takaful tidak diklasifikasikan sebagai harta pusaka. Penekanan kajian ini adalah terhadap analisis hukum syarak, khususnya perbezaan antara hibah dan wasiat serta isu fiqh yang timbul apabila hibah dikaitkan dengan kematian.

Walaupun kedua-dua kajian ini membincangkan aplikasi hibah dalam sistem kewangan Islam di Malaysia, pendekatan dan fokusnya adalah berbeza. Kajian Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2010) lebih bersifat deskriptif dengan penekanan kepada aspek praktikal dan operasi institusi kewangan, manakala kajian Mohd Kamil Ahmad dan Joni Tamkin Borhan (2017) pula lebih bersifat analitikal dari sudut perundangan dan hukum syarak. Namun begitu, kedua-dua kajian ini mempunyai jurang penyelidikan yang ketara. Kajian pertama tidak membincangkan konflik pewarisan yang mungkin timbul akibat penggunaan hibah, manakala kajian kedua pula bergantung sepenuhnya kepada penyelidikan kepustakaan tanpa melibatkan kajian lapangan untuk menilai kesan sebenar pelaksanaan hibah bersyarat terhadap waris. Oleh itu, terdapat keperluan untuk kajian lanjutan yang menggabungkan aspek teknikal kewangan, analisis perundangan serta pengalaman sosial waris melalui kajian lapangan bagi menilai keberkesanan hibah dalam mengurangkan konflik pembahagian harta di Malaysia.

Dapatan Kajian

Kajian ini meneliti cabaran yang dihadapi pasangan bukan warganegara dalam menuntut harta pusaka di Malaysia berdasarkan temu bual bersama seorang Pegawai Pusaka Kecil dan seorang Peguam Syariah secara bersemuka manakala Perunding Takaful ditemu bual melalui aplikasi *whatApp*. Analisis mendapati terdapat tiga tema utama, iaitu isu pemilikan terhadap harta tak alih, prosedur pentadbiran yang rumit dan hibah takaful alternatif pengurusan harta.

Isu Pemilikan Terhadap Harta Tak Alih.

Cabaran utama ialah berkaitan dengan pemilikan harta berbentuk tanah. Pegawai Pusaka Kecil menjelaskan bahawa pasangan bukan warganegara hanya boleh mewarisi tanah selepas mendapat kelulusan pihak berkuasa negeri atau persetujuan Menteri Besar (*MB Consent*). Tanpa kelulusan ini, proses pembahagian tidak dapat diteruskan sepenuhnya.

“...kalau pasangan bukan warganegara ni dalam mewarisi harta melibatkan tanah pusaka... dia kena mohon kebenaran pihak berkuasa negeri sama ada permohonan tu dia buat dulu sebaik-baiknya dia buat dulu...”
(IN2/220825/B16-25).

Isu lain ialah apabila harta pusaka melibatkan tanah Rizab Melayu. Walaupun pasangan bukan warganegara layak menerima bahagian faraid, mereka tetap tidak dibenarkan memiliki tanah tersebut. Sebagai penyelesaian, bahagian mereka biasanya digantikan dengan nilai wang tunai daripada waris lain

“...kalau status rumah tu rizab Melayu dia tak boleh... walaupun dari sudut faraid dia layak dapat...” (IN2/220825/B69-77).

Prosedur Pentadbiran yang Rumit.

Dapatan juga menunjukkan bahawa kos dan tempoh masa menjadi antara cabaran utama. Waris bukan warganegara perlu menanggung kos tambahan seperti bayaran premium dan yuran guaman. Proses ini menyebabkan kes melibatkan mereka mengambil masa lebih panjang berbanding kes pusaka biasa.

“...fees dia boleh tahan jugaklah bayaran untuk mohon PBN tu, premium tu dia kena tanggung jugaklah kos-kos pengurusan harta tu...” (IN2/220825/B60-65).

Selain itu, kekangan bahasa dan dokumentasi turut menjadi masalah. Sesetengah waris bukan warganegara tidak fasih berbahasa Melayu atau Inggeris semasa perbincangan menyebabkan keperluan penterjemah. Tambahan pula, dokumen luar negara seperti sijil kematian perlu diterjemahkan dan disahkan di kedutaan sebelum diterima.

“...kadang-kadang masa proses bicara kuasa ni adalah bahasa... kita pulak kena cari translator...” (IN2/220825/B65-70).

“...sijil mati Thailand... kena terjemahkan dekat kedutaan Malaysia di Thai...” (IN2/220825/B107-112).

Dari sudut perundangan, peguam syariah menjelaskan bahawa pertindihan bidang kuasa tidak berlaku kerana setiap institusi mempunyai peranan tersendiri. Mahkamah Syariah hanya menentukan status waris dan bahagian faraid, manakala pembahagian harta dilaksanakan oleh Pejabat Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi bergantung kepada nilai harta.

“...mahkamah syariah hanya tentukan waris dan bahagiannya sahaja... pejabat pusaka kecil atau mahkamah tinggi uruskan pembahagian harta...” (IN1/250825/B216-232).

Namun, masalah sering timbul apabila perkahwinan tidak didaftarkan di Malaysia. Dalam keadaan ini, pasangan bukan warganegara tidak boleh diiktiraf sebagai waris sah sehingga pengesahan nikah dibuat di Mahkamah Syariah.

“...so bila tak ada sijil nikah ni macam mana kita nak kenal pasti sama ada dia ni isteri yang sah atau tidak kepada si mati tu jadi perkara pertama ni kita habis selanjutnya memang dia tak ada dokumen langsung lah perkara pertama kalau macam kami sebagai seorang peguam nak uruskan klien ni perkara pertama buat pengesahan nikah dahulu...” (IN1/250825/B290-294).

Hibah Takaful Alternatif Pengurusan Harta

Kajian ini menunjukkan bahawa hibah takaful merupakan satu kaedah pengurusan harta yang sesuai dan berkesan bagi pasangan Islam bukan warganegara, terutamanya dalam memastikan pemberian manfaat kewangan dapat dilakukan dengan lebih lancar. Hasil temu bual mendapati bahawa apabila suami menghibahkan manfaat takaful kepada isteri bukan warganegara, proses tuntutan tidak perlu melalui prosedur pusaka kecil yang lazimnya rumit seperti dalam kes harta tak alih. Sebaliknya, tuntutan boleh dilaksanakan dengan lebih mudah kerana hanya memerlukan penyerahan dokumen dalam bentuk salinan digital tanpa keperluan mengemukakan dokumen asal seperti sijil pusaka atau perintah mahkamah.

“...actually berkenaan tentang proses claim tu if suami buat hibah untuk isteri non-malaysian akan melalui proses claim yang sama juga. dengan AIA , untuk proses claim just diorang minta softcopy sahaja . tak perlu bagi sijil atau dokumen2 original yang lain...”

Analisis dan Perbincangan

Kajian ini meneliti cabaran yang dihadapi pasangan bukan warganegara dalam menuntut harta pusaka di Malaysia. Dapatan temu bual dianalisis berdasarkan tiga tema utama isu pemilikan terhadap harta tak alih, prosedur pentadbiran yang rumit dan hibah takaful alternatif pengurusan harta.

Isu Pemilikan Terhadap Harta Tak Alih.

Dapatan kajian menyatakan bahawa pasangan bukan warganegara perlu memohon kelulusan kerajaan negeri (*MB Consent*) sebelum boleh mendapatkan hak pemilikan tanah. Keperluan ini selaras dengan peruntukan Seksyen 433B Kanun Tanah Negara yang mewajibkan kelulusan tersebut bagi bukan warganegara (Syed Muhammad Ridza & Fazlyn Yu Mohd Farid Yu, 2024). Meskipun begitu, apabila hak faraid telah diberikan kepada waris bukan warganegara, mereka masih gagal memiliki tanah serta mencetuskan ketidakseimbangan antara kehendak undang-undang tanah dengan prinsip keadilan menurut faraid. Pengkaji berpendapat bahawa dasar ini wajar diteruskan sebagai langkah mempertahankan kedaulatan tanah tetapi kerajaan negeri boleh mempertimbangkan aturan pengecualian automatik bagi waris bukan warganegara yang sah dari segi faraid supaya hak mereka tidak diganggu oleh prosedur pentadbiran.

Larangan pasangan bukan warganegara daripada memiliki Tanah Rizab Melayu walaupun mereka ada hak melalui faraid dilihat sebagai tidak adil. Mereka hanya berpeluang menerima pampasan dalam bentuk tunai. Pengkaji berpendapat bahawa perlindungan tanah yang menjadi kepentingan orang Melayu itu penting, namun mencadangkan penyelesaian lain yang lebih adil dan menyeluruh untuk waris asing yang berhak.

Prosedur Pentadbiran yang Rumit.

Kajian terdahulu serta laporan media menunjukkan bahawa kos pentadbiran harta pusaka yang tinggi, termasuk bayaran guaman dan tempoh pengurusan yang berpanjangan, berpotensi membebankan waris yang berpendapatan rendah. Keadaan ini bukan sahaja melambatkan proses tuntutan, malah dalam sesetengah kes menghalang waris daripada meneruskan hak mereka terhadap harta pusaka. Laporan akhbar *Sinar Harian* turut menekankan bahawa urusan pengurusan harta pusaka boleh menjadi kompleks dan melibatkan kos yang tinggi sekiranya tidak dirancang dengan baik, sekali gus meletakkan tekanan kewangan kepada waris (“Kos Urus Harta Pusaka Melampau? - Sinar Harian,” 2023)

Dapatan ini selari dengan isu sebenar beban kewangan dan prosedur pentadbiran sememangnya menyukarkan akses kepada keadilan (*access to justice*). Pengkaji mencadangkan penubuhan pusat sokongan lengkap yang menyediakan penterjemahan, bantuan guaman dan penjagaan dokumentasi dengan bajet yang munasabah untuk mengurangkan kerumitan urusan.

Kajian mendapati tidak wujud pertindihan bidang kuasa sebenar antara Mahkamah Syariah dan Sivil. Masing-masing mempunyai fungsi tersendiri iaitu Syariah menentukan waris dan bahagiannya, manakala Pejabat Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi menguruskan pembahagian harta. Gambaran ini disokong oleh kajian mengenai konflik antara tuntutan harta sepencarian dan probet yang menunjukkan perbezaan antara kuasa Mahkamah Syariah dalam tuntutan pusaka dan kuasa Mahkamah Sivil dalam pengesahan wasiat atau surat kuasa mentadbir (Rabi’ah Muhammad Serji, Mazliza Mohamad, Safinaz Mohd Hussein, & Mahmud Zuhdi Mohd Nor, 2021).

Namun begitu, cabaran utama bukan soal bidang kuasa tetapi pengiktirafan dokumen iaitu pasangan bukan warganegara tidak dianggap sebagai waris sah jika perkahwinan luar negara tidak didaftarkan di Malaysia. Undang-undang sebenarnya sudah jelas, tetapi menekankan perlunya kesedaran awam ditingkatkan. Khususnya melalui pendaftaran perkahwinan luar negara dan kempen penggunaan dokumen rasmi supaya hak tidak hilang akibat kecuai dalam urusan.

Hibah Takaful Alternatif Pengurusan Harta

Kajian ini mendapati bahawa hibah takaful merupakan salah satu cara pengurusan harta yang praktikal dan berkesan bagi pasangan Islam bukan warganegara. Berbeza dengan prosedur pusaka kecil yang sering rumit dan panjang. Hibah takaful membolehkan manfaat kewangan disampaikan terus kepada penerima tanpa perlu melalui proses pentadbiran tanah atau pengesahan mahkamah yang memakan masa. Hasil temu bual menunjukkan bahawa syarikat takaful tertentu, seperti AIA hanya memerlukan dokumen dalam bentuk salinan digital (*softcopy*) untuk memproses tuntutan, tanpa perlu menyerahkan sijil asal atau dokumen sokongan lain (IN3/19/12/25).

Kaedah ini dapat membantu pasangan bukan warganegara mendapatkan hak mereka dengan lebih mudah terutama bagi mereka yang terhad oleh undang-undang tanah atau larangan pemilikan Tanah Rizab Melayu. Dengan menggunakan hibah takaful proses tuntutan menjadi lebih cepat, kos pentadbiran dapat dikurangkan dan risiko kelewatan akibat prosedur berlapis dapat diminimalkan.

Selain itu, hibah takaful bukan sahaja memastikan penerima mendapat manfaat kewangan secara terus, tetapi juga boleh digunakan sebagai alat perancangan harta yang sah dan selaras dengan hukum Islam. Ini selaras dengan pandangan (Faziatul Amillia Mohamad Basir & Muhammad Abd Hadi Abd Rahman, 2022) yang menyatakan bahawa hibah takaful membolehkan pengurusan harta dilakukan dengan lebih fleksibel dan praktikal khususnya bagi waris bukan warganegara yang menghadapi cabaran prosedur pusaka tradisional.

Walaupun hibah takaful menawarkan penyelesaian yang berkesan serta menekankan bahawa perlu ada garis panduan pentadbiran yang lebih jelas dan sistematik ini termasuk prosedur standard bagi tuntutan hibah takaful bagi pasangan bukan warganegara, penyelarasan dengan syarikat takaful serta panduan dokumen yang diperlukan. Dengan langkah ini, manfaat hibah takaful dapat diperoleh dengan lebih adil tanpa bergantung sepenuhnya kepada proses pusaka kecil yang panjang dan kompleks.

Keseluruhannya, dapatan kajian menyokong cadangan agar hibah takaful digalakkan sebagai salah satu strategi pengurusan harta bagi pasangan Islam bukan warganegara terutamanya bagi mereka yang menghadapi sekatan pemilikan harta tak alih atau prosedur pentadbiran yang rumit.

Implikasi Hibah Takaful:

Sekiranya pasangan Islam bukan warganegara tidak membuat hibah takaful, isteri berkemungkinan menghadapi kesukaran kewangan segera selepas kematian suami. Tanpa hibah, pengagihan harta perlu melalui proses pusaka kecil yang panjang dan kompleks, termasuk sekatan pemilikan tanah, prosedur mahkamah, serta keperluan dokumen yang rumit. Keadaan ini bukan sahaja menambah tekanan emosi, malah berpotensi memaksa isteri dan keluarga bergantung kepada bantuan sementara pihak ketiga.

Selain itu, ketiadaan hibah boleh menunda pemenuhan keperluan asas keluarga seperti pendidikan anak-anak, kos perubatan, dan perbelanjaan harian, yang menjejaskan kesejahteraan hidup keluarga. Ia juga meningkatkan risiko pertikaian antara waris kerana proses pusaka kecil boleh menimbulkan kekeliruan atau perselisihan mengenai hak penerima, khususnya bagi pasangan bukan warganegara yang kurang memahami sistem undang-undang tempatan. Oleh itu, hibah takaful menjadi mekanisme penting untuk memastikan manfaat kewangan sampai kepada waris secara cepat dan terus, mengurangkan risiko ketidakadilan serta kelewatan dalam pengagihan harta. Pada masa yang sama, ia membolehkan pasangan bukan warganegara merancang pengurusan harta secara proaktif mengikut prinsip Islam dan mengelakkan konflik dalam kalangan waris.

Jadual 3: Perbezaan Kesan Pengurusan Harta: Hibah Takaful vs Tanpa Hibah Takaful

Hibah Takaful	Tanpa Hibah Takaful
Proses penerimaan manfaat kewangan lebih cepat dan terus kepada waris.	Pengagihan harta perlu melalui prosedur pusaka kecil yang panjang, rumit dan melibatkan pengesahan mahkamah.
Kos pentadbiran lebih rendah kerana dokumen boleh dihantar secara digital.	Kos pengurusan tinggi termasuk bayaran guaman dan pengendalian dokumen yang kompleks.
Menjamin kestabilan kewangan waris, terutamanya isteri dan anak-anak.	Waris, terutama isteri bukan warganegara, mungkin menghadapi tekanan kewangan segera selepas kematian suami.
Sesuai untuk pasangan bukan warganegara yang menghadapi sekatan pemilikan tanah atau prosedur pentadbiran yang rumit.	Sekatan pemilikan tanah dan prosedur pentadbiran boleh menjejaskan hak waris bukan warganegara.

Sumber: diambil daripada perbincangan.

Jadual ini menunjukkan perbezaan kesan antara pasangan Islam bukan warganegara yang menggunakan hibah takaful dan mereka yang tidak mengambil hibah takaful dalam pengurusan harta pusaka. Dari segi penerimaan manfaat kewangan, penggunaan hibah takaful membolehkan waris menerima manfaat secara lebih cepat dan terus tanpa perlu melalui prosedur pentadbiran yang panjang dan kompleks. Sebaliknya, bagi mereka yang tidak membuat hibah takaful pengagihan harta perlu melalui proses pusaka kecil yang melibatkan pengesahan mahkamah, sekali gus memperlambatkan penerimaan hak waris dan menimbulkan kemungkinan masalah prosedur.

Dari segi kos pentadbiran, hibah takaful lebih menjimatkan kerana dokumen boleh dihantar secara digital sekali gus memudahkan urusan tuntutan dan mengurangkan perbelanjaan pengurusan. Sebaliknya, tanpa hibah takaful waris perlu menanggung kos guaman dan menguruskan dokumen yang kompleks yang menambah tekanan kewangan.

Bagi kestabilan kewangan waris, hibah takaful memastikan waris, terutamanya isteri dan anak-anak menerima manfaat dengan segera dan dapat meneruskan kehidupan harian tanpa gangguan kewangan. Tanpa hibah, waris berisiko menghadapi kesukaran kewangan segera selepas kematian suami kerana proses pengagihan harta memakan masa yang lama.

Selain itu, dari segi kesesuaian dengan sekatan pemilikan tanah dan prosedur pentadbiran. Hibah takaful terbukti membantu pasangan bukan warganegara yang menghadapi sekatan tanah atau prosedur pentadbiran yang rumit kerana ia membolehkan hak waris diperoleh tanpa bergantung sepenuhnya kepada proses tanah yang kompleks. Tanpa hibah takaful, sekatan tanah dan prosedur pentadbiran boleh menghalang hak waris bukan warganegara dan meningkatkan risiko kelewatan serta ketidakadilan.

Kesimpulannya, jadual ini menekankan bahawa hibah takaful bukan sahaja mempercepatkan penerimaan manfaat kewangan tetapi juga mengurangkan kos, menjamin kesejahteraan waris dan sesuai sebagai mekanisme pengurusan harta bagi pasangan islam bukan warganegara yang menghadapi sekatan atau prosedur pentadbiran yang rumit. Hibah takaful merupakan alternatif yang praktikal dan berkesan berbanding bergantung sepenuhnya pada proses pusaka kecil.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa urusan tuntutan harta pusaka bagi pasangan bukan warganegara di Malaysia bukanlah satu perkara yang mudah. Banyak kekangan yang perlu dihadapi terutamanya apabila melibatkan undang-undang tanah yang menyekat pemilikan harta oleh warga asing seperti isu Tanah Rizab Melayu. Selain itu, proses birokrasi yang panjang, keperluan menterjemah dokumen serta kos guaman yang mahal sering kali menjadi beban kepada waris. Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun sistem faraid memberikan hak kepada mereka namun realiti pengurusan di pejabat pusaka dan mahkamah mempunyai cabaran yang tersendiri yang boleh menyebabkan proses tersebut tergendala.

Oleh itu, kajian ini menekankan bahawa Hibah Takaful adalah jalan keluar atau solusi yang paling praktikal untuk pasangan bukan warganegara. Berdasarkan amalan industri kewangan Islam di Malaysia, Hibah Takaful membolehkan manfaat duit pampasan diberikan terus kepada penama tanpa perlu melalui proses pembahagian pusaka di JKPTG yang rumit itu. Pampasan tersebut boleh digunakan segera oleh isteri atau waris untuk menyara hidup tanpa perlu menunggu kelulusan pihak berkuasa negeri atau urusan mahkamah yang memakan masa bertahun-tahun. Ini secara tidak langsung dapat mengelakkan harta daripada terbeku dan memastikan kebajikan waris terjaga dengan lebih cepat.

Sebagai cadangan, pihak berkuasa perlu menyediakan panduan yang lebih ringkas dan jelas bagi memudahkan warga asing memahami prosedur di Malaysia. Penggunaan instrumen hibah juga perlu dipromosikan dengan lebih meluas kepada pasangan yang mempunyai status kewarganegaraan berbeza sebagai persediaan awal. Dengan adanya penambahbaikan dalam sistem pengurusan dan kesedaran tentang kepentingan hibah, hak dan kebajikan waris bukan warganegara akan lebih terjamin dan selari dengan prinsip keadilan dalam Islam.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Zul-kifli Bin Hussin, selaku penyelia dan pensyarah di Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, di atas bimbingan, nasihat serta memberi dorongan berterusan sepanjang penulisan jurnal ini dijalankan. Jasa dan tunjuk ajar beliau telah banyak membantu dalam menjalankan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan yang banyak membantu dalam menyelesaikan penulisan ini dan ribuan terima kasih juga kepada kedua ibu bapa saya kerana sentiasa memberikan kata motivasi untuk saya kekal bersemangat dan tidak putus asa.

Akhir sekali, penghargaan turut diberikan kepada pihak Universiti Sultan Azlan Shah yang telah menyediakan kemudahan serta ruang penyelidikan yang kondusif. Segala bantuan, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak amatlah dihargai.

RUJUKAN:

- Abu Nuha Nuwairah. (2025, Mac). Prosedur urusan pusaka bagi waris di luar negara. Solusi Pusaka. <https://solusipusaka.com/prosedur-urusan-pusaka-bagi-waris-di-luar-negara/>
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. SAGE Publications, Inc.
- Fadziani Yaakub, & Wan Daud, W. N. (2024). Isu-isu harta pusaka mualaf di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(3). <https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.16>
- Faziatul Amillia Mohamad Basir, & Muhammad Abd Hadi Abd Rahman. (2022). Factors influencing the purchasing intention of takaful hibah products: A conceptual framework. *Journal of Islamic Philanthropy and Social Finance*, 4(2), 10–16. https://doi.org/10.24191/JIPSF/v4n22022_10-16
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan—Pusaka Kecil. (2024). Soalan lazim. <https://www.jkptg.gov.my/my/soalan-lazim-3?layout=edit&id=1084>
- Jaiya Abu, Fiqiri Hamid, Norhafiza Abdullah, Norhidayah Md Yunus, & Ainur Zaireen Zainudin. (2022). Challenges of idle small estate issues and potential solution/ Cabaran isu tanah pusaka terbiar dan potensi penyelesaian. *Sains Humanika*, 14(3), 49–55. <https://doi.org/10.11113/sh.v14n3.1954>
- Kos urus harta pusaka melampau? (2023, September 25). *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/280752/berita/nasional/kos-urus-harta-pusaka-melampau>
- Mohd Kamil Ahmad, & Joni Tamkin Borhan. (2017). Penggunaan hibah bersyarat (berta'liq) dalam masalah pembahagian manfaat takaful: Analisis hukum. *Jurnal Syariah*, 25(1), 51–74. <https://doi.org/10.22452/js.vol25no1.3>
- Mohd Zainudin Wan Yusoff, Nurulhuda Ahmad Zaki, & Luqman Abdullah. (2021). Pentadbiran undang-undang harta pusaka mualaf di Malaysia: Satu sorotan literatur. *Jurnal Fiqh*, 18(2), 317–346. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol18no2.4>
- Muhammad Amrullah Drs Nasrul, Siti Azizah A. Alihan, Aimi Atiqah Abdul Hamid, & Benny Sultan. (2024). Unraveling legal complexities: Muslim and non-Muslim estate administration process in Malaysia and Brunei. *De Jure: Jurnal Hukum Dan Syar'iah*, 16(2), 531–554. <https://doi.org/10.18860/j-fsh.v16i2.29827>
- Muhammad Amrullah Drs Nasrul, Zati Ilham Abdul Manaf, Syafwendi Syafril, & Moh Fathurrohman. (2021). An overview of the inheritance legal system in Malaysia and Indonesia: Issues faced by both countries. *Journal of Shariah Law Research*, 6(2), 181–200.

- Najmah, Namirah Adelliani, Citra Afny Sucirahayu, & Azmiya Rahma Zanjabila. (2023). Analisis tematik pada penelitian kualitatif. Salemba Empat. <http://www.penerbitsalemba.com>
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2010). Pemakaian prinsip hibah dalam sistem kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan kepada industri perbankan Islam dan takaful. *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)*, 69–81. <https://doi.org/10.11113/jt.v52.138>
- Nur Nazlina Nadzari. (2025, July 21). RM90b harta pusaka tak dituntutancam ekonomi domestik. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2025/07/rm90b-harta-pusaka-tak-dituntut-ancam-ekonomi-domestik/>
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation method* (3rd ed.). Sage Publications.
- Pekeliling Terbuka. (2024, Disember). Senarai pekeliing. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. <https://www.jkptg.gov.my/my/panduan/senarai-pekeliing/pekeliing-terbuka/advanced-search/107>
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka. (2022). <https://www.melaka.gov.my>
- Rabi'ah Muhammad Serji, Mazliza Mohamad, Safinaz Mohd Hussein, & Mahmud Zuhdi Mohd Nor. (2021). Harta sepencarian: Isu dan konflik perundangan dalam tuntutan selepas kematian dari perspektif undang-undang tanah di Malaysia. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*, 43(0), 43–53.
- Sendari Anugerah Ayu. (2021, February 1). Mengenal jenis penelitian deskriptif kualitatif pada sebuah tulisan ilmiah. *Liputan6.com*. <https://www.liputan6.com/hot/read/4032771/mengenal-jenis-penelitian-deskriptif-kualitatif-pada-sebuah-tulisan-ilmiah>
- Siti Fadhilah Ghazali, Naimah Abu Kasim, & Suharne Ismail. (2024). Isu-isu fiqh semasa dalam pengurusan harta pusaka kecil di Malaysia. *Jamalullail Journal*, 3(2), 268–280.
- Syed Muhammad Ridza, & Fazlyn Yu Mohd Farid Yu. (2024, October 24). Legal perspective: Essential factors for foreign investors to consider prior to purchasing or leasing land in Malaysia in 2024. *Mondaq*. <https://www.mondaq.com/inward-foreign-investment/1535072/legal-perspective-essential-factors-for-foreign-investors-to-consider-prior-to-purchasing-or-leasing-land-in-malaysia-in-2024>
- Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Mohd Zamro Muda, & Zuliza Mohd Kusrin. (2021). Pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat muslim di Negeri Sembilan: Satu kajian literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(2). <https://doi.org/10.26475/jcil.2021.6.2.06>